

**PERSEPSI PELAJAR TERHADAP KOMPETENSI PENSYARAH DALAM
PENGAJARAN. SATU KAJIAN DI UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK**

Oleh

EDWARD NGELAI

**Projek ini merupakan salah satu keperluan kursus untuk mendapatkan Ijazah
Bacelor Sains (Pembangunan Sumber Manusia) dari
Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia,
Universiti Malaysia Sarawak**

ABSTRAK

PERSEPSI PELAJAR TERHADAP KOMPETENSI PENSYARAH DALAM PENGAJARAN: SATU KAJIAN DI UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

EDWARD NGELAI

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti persepsi pelajar terhadap kompetensi pensyarah dalam pengajaran di UNIMAS. Kajian ini memberi penekanan yang khusus kepada enam jenis kompetensi, iaitu (i) mengorientasi, (ii) kemahiran komunikasi, (iii) perancangan pengajaran, (iv) teknologi maklumat, (v) penilaian pengajaran, dan (vi) hubungan interpersonal. Kajian ini juga bertujuan untuk mengenalpasti: (i) Persepsi pelajar terhadap kompetensi yang dipunyai dan kompetensi yang sepatutnya ada pada seseorang pensyarah; (ii) Mengenalpasti keutamaan kompetensi pensyarah dalam pengajaran dan (iii) Mengetahui perbezaan di antara kompetensi yang dipunyai dan yang sepatutnya ada pada seseorang pensyarah. Kajian ini telah melibatkan 67 orang responden, iaitu pelajar daripada Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia, Fakulti Sains Sosial, Fakulti Ekonomi dan Perniagaan, Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif dan Pusat Pengajian Bahasa dan Komunikasi. Borang soal selidik yang menggunakan kaedah Skala Likert telah diedarkan untuk memperoleh data dan dianalisis dengan statistik inferens, iaitu menggunakan ujian-t dan korelasi Pearson. Hasil kajian menunjukkan: (i) Terdapat perhubungan yang signifikan di antara perancangan pengajaran dengan kompetensi ($r = 0.807$, $p < 0.01$). Ini bermakna semakin tinggi perancangan pengajaran, semakin tinggi kompetensi yang dipunyai. (ii) Pelajar telah mempersepsikan kompetensi dalam perancangan pengajaran sebagai kompetensi yang paling utama. Seramai 53.6 peratus responden bersetuju kompetensi dalam perancangan pengajaran sebagai kompetensi utama. (iii) Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara kompetensi yang dipunyai dengan kompetensi yang sepatutnya ($t = 0.630$). Hipotesis Ho adalah tidak signifikan. Sebagai rumusnya, pihak UNIMAS perlu mewujudkan satu program pembangunan pensyarah yang dapat meningkatkan keberkesanan pensyarah dalam pengajaran dan menyediakan garis panduan khusus dalam kompetensi pengajaran yang bertujuan untuk meningkatkan profesionalisme pensyarah di UNIMAS.

ABSTRACT**STUDENTS' PERCEPTION TOWARDS LECTURER'S COMPETENCY IN TEACHING: A CASE STUDY IN UNIVERSITY MALAYSIA SARAWAK****EDWARD NGELAI**

This study aims to determine students' perception towards lecturers' competency in teaching in UNIMAS. Six aspects of competency were put emphasis on inclusive of (i) orientation, (ii) teaching plan, (iii) information technology, (iv) communication skill, (v) performance evaluation, and (vi) interpersonal relationship. This study will identify: (i) Students' perception towards lecturers existing and required competency. (ii) Lecturers' main competency in teaching. (iii) The differences between lecturers existing competency and their required competency. This study involves 67 respondents from Faculty of Cognitive Science and Human Development, Faculty of Social Science, Faculty of Economic and Business, Faculty of Applied and Creative Arts and Center for Language and Communication. Questionnaires with Likert Scale method were distributed to the respondents to obtain data. The data was analyzed by using Statistical Package For The Social Science with inferential statistics such as t-test and Pearson correlation. The finding showed that: (i) There was a significant relationship between teaching plans and competency ($r=0.807, p< 0.01$). That means, the better teaching plans will lead to higher competency. (ii) The students' perceptions were that the lecturers' teaching plan is the most important competency in a lecturer. (iii) There were no significant differences between the lectures existing competency and their required competency ($t= 0.630$). Therefore, the third hypothesis is rejected. Based on these results, UNIMAS should create a program to cater for the development of lecturers' capabilities. The program should focus on two important areas, which are lecturers' efficiency while teaching and to set a guideline to reach a higher teaching competency. This will further improve the professional image of these lecturers' at UNIMAS.

Penghargaan

Puji Tuhan kerana dengan berkatNya, saya telah berjaya menyiapkan tesis ini bagi memenuhi syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) Pembangunan Sumber Manusia seperti yang telah ditetapkan.

Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Bahagian Pengajian Prasiswazah yang telah memberi kebenaran kepada saya untuk menjalankan kajian ini di UNIMAS. Setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih diucapkan kepada penyelia tesis, iaitu Cik Zaiton Hassan yang telah memberi bimbingan tanpa perasaan jemu sepanjang penyelidikan ini dijalankan. Pertolongan dan bimbingan daripada Cik Zaiton tetap abadi dalam ingatan saya.

Terima kasih yang tidak terhingga kepada semua keluarga tersayang, iaitu Apai, Indai, Nora, Dr.Monica, Willie, Micheal dan Augustine. Pengorbanan, bantuan kewangan dan sokongan moral daripada kalian tetap selamanya dalam ingatan saya.

Kepada insan teristimewa, iaitu Cik Jennifer Jimmy @ Jen. Dengan ketabahan, kesabaran dan doronganmu telah menjadi kekuatan untuk saya meneruskan perjuangan hidup ini. Khas untuk teman seperjuangan saya, iaitu Azila, Mas, Uten, Herwan, Masle, Irun dan Win. Sokongan anda semua dalam menjayakan penyelidikan ini amat saya hargai.

Khas untuk Apai @Ayah, iaitu Mr. Frederick Ngelai Numpang yang telah meninggalkan kami buat selama-lamanya, keazaman ayah dalam memberi pendidikan kepada semua anakmu akan tetap kami kenang. Tanpa dorongan ayah, saya tidak akan berjaya seperti hari ini. Semoga Apai berada dalam keadaan tenang dan diberkati dengan Roh Alkudus selamanya. Amen.

ISI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN	Muka Surat	
Abstrak	iii	
Abstract	iv	
Penghargaan	v	
Isi Kandungan	vi	
Senarai Jadual	ix	
Senarai Gambarajah	xi	
BAB 1	Pengenalan	
1.0	Pengenalan	1
1.1	Pernyataan Masalah	2
1.2	Objektif Umum	3
1.3	Objektif Khusus	3
1.4	Rangka Konseptual	4
1.5	Hipotesis	5
1.6	Kepentingan Kajian	5
1.7	Definisi Operasional	6
1.8	Batasan Kajian	7
BAB 2	SOROTAN KAJIAN	
2.0	Pengenalan	8
2.1	Definisi Kompetensi	9
2.2	Kepentingan Kompetensi	10
2.3	Perancangan Pengajaran	12
2.4	Pelaksanaan Pengajaran	13
2.5	Mengorientasi	15
2.6	Hubungan Interpersonal	16
2.7	Penggunaan Teknologi Maklumat	17
2.8	Pendidikan Berasaskan Kompetensi	19
2.9	Peranan Pensyarah Dalam Pengajaran	22

BAB 3	METODOLOGI KAJIAN	
3.0	Pengenalan	29
3.1	Lokasi Kajian	29
3.2	Rekabentuk Kajian	30
	3.2.1 Populasi dan Persempelan Kajian	30
	3.2.2 Pemilihan Saiz Sampel	31
3.3	Instrumentasi Kajian	33
	3.3.1 Taburan Soalan	33
3.4	Kajian Rintis	37
3.5	Keputusan Ujian Kebolehpercayaan	38
3.6	Pengumpulan Data	39
3.7	Penganalisan Data	40
	3.7.1 Kaedah Diskriptif	40
	3.7.2 Pengukuran Taburan Latarbelakang Responden	40
	3.7.3 Statistik Inferens	41
	3.7.4 Ujian-t	41
	3.7.5 Pekali Kolerasi Pearson	42
BAB 4	DAPATAN KAJIAN	
4.0	Pengenalan	43
4.2	Ciri-ciri Demografi Responden	43
	4.2.1 Umur Responden	43
	4.2.2 Jantina	44
	4.2.3 Kelayakan Akademik	44
	4.2.4 Fakulti	44
	4.2.5 Tahun Pengajian	45
4.3	Kompetensi yang Dipunyai	47
	4.3.1 Kompetensi Mengorientasi	47
	4.3.2 Kompetensi Komunikasi	48
	4.3.3 Kompetensi Perancangan Pengajaran	50
	4.3.4 Kompetensi Penilaian Pengajaran	50
	4.3.5 Kompetensi Hubungan Interpersonal	52

4.3.6	Kompetensi Teknologi Maklumat	53
4.4	Kompetensi yang Sepatutnya	55
4.4.1	Kompetensi Mengorientasi	55
4.4.2	Kompetensi Komunikasi	56
4.4.3	Kompetensi Perancangan Pengajaran	58
4.4.4	Kompetensi Penilaian Pengajaran	58
4.4.5	Kompetensi Hubungan Interpersonal	61
4.4.6	Kompetensi Teknologi Maklumat	61
4.5	Keputusan Hipotesis	64
4.6	Rumusan Dapatan Kajian	67
BAB 5	RUMUSAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN	
5.0	Pengenalan	69
5.1	Ringkasan Hasil Kajian	69
5.1.1	Profil Demografi	70
5.2	Tahap Kompetensi	70
5.3	Kompetensi Mengikut Keutamaan	72
5.4	Perbezaan Kompetensi Dipunyai dan Sepatutnya	73
5.5	Implikasi dan Cadangan	74
5.5.1	Implikasi Kajian Kepada UNIMAS	74
5.5.2	Cadangan Untuk UNIMAS	75
5.5.3	Cadangan Untuk Kajian Selanjutnya	76
5.6	Kesimpulan	77
BIBLIOGRAFI		78
LAMPIRAN 1	Borang Soal Selidik Kajian	82
LAMPIRAN 2	Enrolmen Pelajar Mengikut Tahun & Fakulti Sesi 1998/99	90

SENARAI JADUAL

Isi kandungan	Muka Surat
Jadual 1 Enrolmen Pelajar Mengikut Tahun dan Fakulti Sessi 1998/99	31
Jadual 2 Keputusan Ujian Cronbach's Alpha Selepas Pra-Ujian	39
Jadual 3 Nilai Eta Squared dan Kekuatan Perhubungan	42
Jadual 4 Taburan Demografi Responden	46
Jadual 5 Taburan Frekuensi Kompetensi Mengorientasi Dipunyai	49
Jadual 6 Taburan Frekuensi Kompetensi Kemahiran komunikasi Dipunyai	49
Jadual 7 Taburan Frekuensi Kompetensi Perancangan Pengajaran Dipunyai	51
Jadual 8 Taburan Frekuensi Kompetensi Penilaian Pengajaran Dipunyai	51
Jadual 9 Taburan Frekuensi Kompetensi Hubungan Interpersonal Dipunyai	54
Jadual 10 Taburan Frekuensi Kompetensi Teknologi Maklumat Dipunyai	54
Jadual 11 Taburan Frekuensi Kompetensi Mengorientasi Sepatutnya	57
Jadual 12 Taburan Frekuensi Kompetensi Kemahiran Komunikasi Sepatutnya	57
Jadual 13 Taburan Frekuensi Kompetensi Perancangan Pengajaran Sepatutnya	60
Jadual 14 Taburan Frekuensi Kompetensi Penilaian Pengajaran Sepatutnya	60
Jadual 15 Taburan Frekuensi Kompetensi Hubungan Interpersonal Sepatutnya	63
Jadual 16 Taburan Frekuensi Kompetensi Teknologi Maklumat Sepatutnya	63
Jadual 17 Keputusan Ujian Pearson antara Kompetensi dengan Perancangan Pengajaran	66
Jadual 18 Taburan Frekuensi Keutamaan Tugas Pensyarah Dalam	66

Pengajaran

Jadual 19	Ujian-t Kompetensi Dipunyai dan Sepatutnya	67
-----------	--	----

SENARAI GAMBARAJAH

Isi Kandungan		Muka Surat
Gambarajah 1	Rangka Konseptual	4
Gambarajah 2	Model Proses Kompetensi	25

BAB 1

PENGENALAN

1.0 Pengenalan

Selaras dengan matlamat Wawasan 2020 seperti yang diilhamkan oleh Perdana Menteri kita untuk menjadikan Malaysia sebagai negara maju menjelang tahun 2020, pembangunan dalam bidang pendidikan merupakan salah satu agenda yang diberi tumpuan untuk merealisasikan matlamat tersebut. Seajar dengan itu, institusi pendidikan tinggi di negara kita telah bertambah dengan pesat sejak kebelakangan ini. Pembentukan akta pendidikan baru, iaitu Akta Pendidikan Pindaan 1996 telah menggalakkan institusi pengajian swasta dari luar negara untuk membuka cawangan di Malaysia. Ini secara tidak langsung akan menimbulkan persaingan yang sengit di antara institusi pengajian tinggi swasta dan institusi pengajian tinggi awam. Kesedaran masyarakat Malaysia terhadap kepentingan pendidikan juga telah menyemarakkan lagi fenomena tersebut.

Di Sarawak khususnya, sebuah universiti, iaitu Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) telah ditubuhkan untuk dijadikan sebagai satu pemangkin kepada wawasan Perdana Menteri Malaysia. UNIMAS yang ditubuhkan selepas sahaja pengumuman Wawasan 2020, telah beritilzam untuk memberi sumbangan bagi menjayakan wawasan tersebut. Oleh itu, misi UNIMAS adalah untuk menjadi sebuah universiti contoh serta diiktiraf di peringkat antarabangsa; dan sebagai institusi

pengajian tinggi yang menjadi pilihan utama golongan pelajar dan akademik melalui pencapaian yang cemerlang dalam bidang pengajaran, penyelidikan dan kesarjanaan (Laporan Tahunan UNIMAS,1996).

Untuk menjadikan UNIMAS sebagai sebuah universiti contoh, UNIMAS perlu mempunyai pensyarah yang berkompentensi bagi mewujudkan tahap pencapaian akademik yang boleh dibanggakan. Menurut Burnard (1993) kompentensi pensyarah dalam pengajaran merupakan salah satu faktor yang boleh meningkatkan prestasi pelajar. Justeru itu, pensyarah yang mempunyai kompentensi amat diperlukan oleh sesebuah institusi pendidikan yang hendak berjaya dalam bidang pendidikan dan dikenali oleh masyarakat. Di samping itu, persepsi pelajar terhadap kompentensi pensyarah dalam pengajaran perlu diberi penekanan bagi menentukan setakat mana tahap kompentensi seseorang pensyarah dalam pengajaran.

1.1 Pernyataan Masalah

Maklumbalas daripada persepsi pelajar adalah sangat penting dalam membuat penilaian terhadap keberkesanan seseorang pensyarah dalam pengajaran. Ini kerana seseorang pensyarah memainkan peranan yang amat penting dalam menghasilkan sumber tenaga manusia yang mampu menyumbang kepada pembangunan negara. Lantaran itu, seseorang pensyarah perlu mempunyai kemahiran, perancangan dan berkompentensi untuk meningkatkan keberkesanan dalam pengajaran. Menurut Mahmood (1990), persepsi seseorang terhadap sesuatu perkara boleh mempengaruhi corak permikiran dan tindakan individu. Kenyataan ini disokong oleh Hooghiemstra (1992) yang menyatakan bahawa kompentensi amat diperlukan untuk meningkatkan

kebolehan individu dan kejayaan sesebuah organisasi. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengetahui sejauhmana persepsi para pelajar di UNIMAS terhadap kompetensi pensyarah dalam pengajaran kerana persepsi ini boleh mempengaruhi prestasi akademik para pelajar.

1.2 Objektif Umum

Objektif umum kajian ini adalah untuk mengenalpasti persepsi pelajar terhadap kompetensi pensyarah dalam pengajaran.


1.3 Objektif Khusus

1. mengenalpasti kompetensi yang dipunyai pensyarah dalam pengajaran.
2. mengenalpasti kompetensi yang diperlukan pensyarah dalam pengajaran.
3. mengkaji perbezaan di antara tahap kompetensi yang sepatutnya dipunyai oleh pensyarah pada masa sekarang.
4. mengenalpasti keutamaan kompetensi pensyarah dalam pengajaran.

1.4 Rangka Konseptual

Rangka Konseptual dalam Gambarajah 1 menunjukkan pengkajian tentang persepsi pelajar terhadap kompetensi pensyarah dalam pengajaran berdasarkan pengukuran pembolehubah tidak bersandar .

Ciri-ciri demografi meliputi umur, jantina, fakulti, tahun pengajian dan kelulusan akademik. Jenis kompetensi pula terdiri daripada perancangan pengajaran, penilaian pengajaran, hubungan interpersonal, mengorientasi dan teknologi maklumat.



Gambarajah 1. Rangka Konseptual

1.5 Hipotesis

Ho: Terdapat hubungan yang signifikan di antara perancangan pengajaran dengan kompetensi.

Ho: Pelajar mempersepsikan kompetensi pelaksanaan pengajaran sebagai kompetensi utama.

Ho: Terdapat perbezaan yang signifikan di antara kompetensi pensyarah yang dipunyai dan yang sepatutnya.

1.6 Kepentingan kajian

Kajian yang dilakukan ini amat penting untuk mengenalpasti tahap kompetensi yang ada pada seseorang pensyarah di UNIMAS. Hasil daripada kajian ini akan memberi sedikit gambaran tentang kebolehan dan kekurangan yang ada di kalangan pensyarah di UNIMAS dalam bidang pengajaran. Ini secara tidak langsung akan memberi kesedaran kepada pensyarah terhadap kepentingan kompetensi yang mereka perlukan dalam pengajaran dan mengetahui kelemahan mereka sendiri. Justeru itu, maklumat yang diperolehi daripada kajian ini akan dapat membantu pihak pengurusan sumber manusia merancang program latihan yang bersesuaian dengan keperluan para pensyarah untuk meningkatkan mutu pengajaran di UNIMAS. Pihak pengurusan UNIMAS boleh menggunakan hasil kajian ini sebagai panduan untuk pengambilan para pensyarah yang berwibawa supaya bersesuaian dengan misi UNIMAS.

Pihak UNIMAS juga boleh menggunakan hasil kajian ini untuk menyediakan satu garis panduan kompetensi yang khusus untuk kaedah pembelajaran yang berkesan. Hasil daripada kajian ini akan dapat membantu para pengkaji yang berminat dalam bidang kompetensi untuk memperdalamkan kajian mereka terhadap budaya pengajaran di UNIMAS.

1.7 Definisi Operasional

Terdapat beberapa istilah yang digunakan dalam kajian ini. Di antara istilah tersebut ialah:

1. Kompetensi:

Kompetensi merupakan keupayaan ataupun kemampuan seseorang dalam sesuatu bidang untuk melakukan sesuatu tugas. Ia juga melibatkan kebolehan dan kemahiran individu terhadap sesuatu bidang atau aktiviti.

2. Persepsi:

Merupakan satu proses yang melebihi tahap pendaftaran rangsangan ataupun tanggapan kita terhadap sesuatu perkara. Persepsi ini tidak semestinya betul atau salah.

3. Pensyarah :

Tenaga pengajar di UNIMAS yang dipertanggungjawabkan untuk mengajar para mahasiswa dan mahasiswi. Merupakan individu yang

mempunyai kemahiran dan mempunyai pengetahuan akademik yang tinggi serta diakui kepakaran dan kebolehan terhadap sesuatu bidang pengetahuan.

1.8 Batasan Kajian

Kajian ini hanya memberi gambaran terhadap keadaan persekitaran dan keperluan pensyarah di Universiti Malaysia Sarawak sahaja. Oleh itu, keputusan kajian ini tidak boleh dibandingkan dengan organisasi lain di luar UNIMAS. Kajian ini berdasarkan kepada persepsi responden terhadap tahap kompetensi yang dipunyai oleh pensyarah pada masa sekarang dan tahap kompetensi yang sepatutnya ada pada seseorang pensyarah di UNIMAS sahaja.

Kajian ini hanya melibatkan kumpulan pelajar daripada empat buah fakulti yang berasaskan bidang sastera dan sebuah pusat pengajian bahasa. Di antara fakulti yang terlibat adalah Fakulti Sains Kognitif & Pembangunan Manusia, Fakulti Ekonomi dan Perniagaan, Fakulti Sains Sosial, Fakulti Seni Gunaan & Kreatif dan Pusat Pengajian Bahasa & Komunikasi. Di samping itu, kajian ini juga hanya melibatkan enam aspek kompetensi sahaja, iaitu kompetensi dalam merancang pengajaran, kompetensi dalam penilaian, kompetensi dalam mengorientasi, kompetensi teknologi maklumat, kompetensi dalam hubungan interpersonal dan kompetensi dalam komunikasi.

BAB 2

SOROTAN KAJIAN LEPAS

2.0 Pengenalan

Kompetensi dalam pengajaran telah menjadi tajuk perbincangan utama sejak kebelakangan ini. Isu ini juga telah menjadi satu tekanan kepada para pentadbiran sekolah dan institusi pengajian tinggi awam dan swasta. Ini kerana untuk menjamin imej dan kualiti dalam pengajaran, perkara pertama yang perlu diambil kira adalah kompetensi pihak akademik. Di samping itu, kompetensi turut berkait rapat dengan kualiti pensyarah dan kualiti bahan yang disampaikan dalam pengajaran. Malah, institusi pengajian tinggi juga menggunakan kompetensi dalam sesuatu bidang akademik sebagai cara untuk bersaing dan menarik lebih ramai penuntut untuk memasuki institusi pengajian masing-masing.

Sorotan kajian semula ini akan membincangkan tajuk kompetensi ini kepada sembilan bahagian, iaitu :

1. Definisi Kompetensi.
2. Kepentingan Kompetensi.
3. Perancangan Pengajaran.
4. Pelaksanaan Pengajaran.

5. Mengorientasi.
6. Hubungan Interpersonal.
7. Penggunaan Teknologi Maklumat.
8. Pendidikan Berasaskan Kompetensi.
9. Peranan Pensyarah Dalam Pengajaran.

2.1 Definisi Kompetensi

Istilah “*Competence*” berasal daripada perkataan Latin, iaitu “*Competere*” yang bermaksud “*to be suitable*” atau sesuatu yang sesuai (Nordhaugh dan Grouhaug, 1994). Menurut Kamus Dewan (1992) pula, kompetensi didefinisikan sebagai kebolehan dan kecekapan yang dimiliki oleh individu dalam melakukan sesuatu tugas. Di samping itu, pengkaji-pengkaji seperti Boyatzis (1982), Binstead (1988) dan Hornby dan Thomas (1989) telah mentakrifkan kompetensi sebagai satu set tingkahlaku yang diperlukan oleh seseorang ketua untuk menjalankan tugas dan fungsinya dengan baik.

Gonczi (1990) pula telah mendefinisikan seseorang yang mempunyai kompetensi sebagai “*a person who has the attributes necessary for the job performance to the appropriate standard*”. Sementara itu, menurut Hooghiemstra (1993), kompetensi adalah sikap yang wujud dalam individu dan berkaitan dengan keberkesanan dan peningkatan seseorang pekerja dalam melakukan sesuatu tugas. Kompetensi juga boleh digolongkan sebagai motivasi, sikap sendiri, tingkahlaku, pengetahuan atau kognitif.

Oleh itu, berdasarkan pelbagai definisi kompetensi yang dinyatakan oleh para pengkaji, jelaslah menunjukkan bahawa kompetensi berkait rapat dengan kebolehan dan kecekapan dalam melakukan sesuatu tugas. Di samping itu, kepakaran dan kecekapan diperlukan oleh seseorang untuk menjalankan sesuatu tugas dengan lebih efektif dan efisien.

2.2 Kepentingan kompetensi

Menurut Warren (1994), era teknologi maklumat amat memerlukan seseorang pekerja yang cekap dan berkebolehan sekiranya organisasi tersebut ingin bersaing dengan organisasi lain. Oleh itu, kompetensi merupakan satu agenda yang akan menyusul dalam dunia pengurusan pada masa akan datang kerana organisasi bukan sahaja memerlukan pekerja yang menguasai bidang akademik, tetapi juga mempunyai kompetensi dalam melakukan semua tugas yang diamanahkan.

Dalam bidang pengajaran pula, seorang pensyarah yang mempunyai kompetensi akan lebih cekap dalam pengajaran. Menurut Pearson (1980), seseorang pensyarah yang berkompetensi akan mempunyai “*positive expectations, inspirational leadership, wide repertoire of teaching skills, motivational techniques*” Daripada kenyataan ini, jelaslah menunjukkan bahawa seseorang pensyarah yang mempunyai kompetensi dalam hubungan interpersonal dan perancangan mengajar akan menjadi lebih cekap dalam memberi pengajaran yang berkesan. Knowles (1989) menyatakan bahawa corak

pendidikan pada alaf yang akan datang memerlukan corak pendidikan yang berasaskan kompetensi.

Louisell dan Descamps (1989) menyatakan bahawa masyarakat pada masa sekarang tidak hanya mengharapkan sesebuah sekolah hanya mengajar kemahiran matematik dan kesusasteraan sahaja. Tetapi apa yang masyarakat inginkan ialah pihak sekolah harus mengajar kompetensi dari semua aspek untuk pembangunan individu secara total. Ini kerana dengan adanya kompetensi, seseorang itu akan terus hidup dalam sesebuah masyarakat yang global. Masyarakat pula mulai sedar akan kepentingan kompetensi dalam melakukan tugas harian terutamanya dalam era teknologi maklumat pada masa sekarang. Oleh itu, kompetensi dalam pengajaran perlu dititikberatkan untuk memberi pengajaran yang berkesan dalam dunia pendidikan.

Kepentingan kompetensi ini boleh dikaitkan dengan teori motivasi. Dickinson dan Dearing (1979) dalam membincangkan teori motivasi telah melibatkan dua faktor utama. Pertama, kepercayaan pelajar terhadap kebolehan mereka untuk berjaya dalam pembelajaran dan kedua ialah penilaian pelajar itu sendiri terhadap tugas yang diberikan serta hasil yang diperolehi daripada pelaksanaan tugas yang diberi. Kedua-dua faktor ini boleh mempengaruhi secara negatif atau positif motivasi pelajar dalam proses pembelajaran (Feather, 1988).

Feather (1988) seterusnya membincangkan persepsi pelajar terhadap keupayaan mereka untuk berjaya. Ia adalah bergantung kepada dua faktor, iaitu persepsi pelajar

terhadap kesukaran melakukan sesuatu tugas yang diberi dan juga keyakinan diri pelajar terhadap keupayaan diri mereka untuk mencapai sesuatu kejayaan.

Oleh itu, bagi meningkatkan motivasi pelajar untuk berjaya dalam pelajaran, peranan seseorang pensyarah yang berkompentensi amat diperlukan. Ini kerana menurut Pearson (1980) sekiranya seseorang pensyarah mempunyai kecekapan dalam pengajaran, maka para pelajar akan lebih bermotivasi dan pencapaian akademik akan turut meningkat.

2.3 Perancangan Pengajaran

Rosenshine dan Steven (1986) telah menyatakan bahawa perancangan dalam pengajaran merupakan perkara utama yang perlu ditekankan dalam pengajaran yang berkesan. Oleh itu, untuk membuat penyampaian yang berkesan dalam pengajaran, seseorang pensyarah perlu membuat perancangan yang teliti terlebih dahulu. Cohn, Kotthamp dan Provenza (1987) seterusnya telah menghuraikan bagaimana seseorang pensyarah merancang pengajarannya. Mereka menyatakan bahawa keputusan seseorang pensyarah tentang apa yang diajar adalah berdasarkan kepada keperluan pelajar, kurikulum, persekitaran bilik darjah dan perkembangan pendidikan. Jelaslah, bahawa seorang pensyarah perlu mengambil kira persekitaran perbelajaran dalam membuat perancangan mengajar.

Rae (1991) telah menyatakan bahawa isu kompetensi mulai diperbincangkan oleh golongan sarjana sejak kebelakangan ini. Mereka berpendapat bahawa untuk menghasilkan mutu pembelajaran yang berkualiti, para pensyarah perlu mempunyai kompetensi dalam menguruskan perancangan mengajar dan menggunakan teknologi pendidikan untuk penyampaian.

Pendapat ini telah disokong oleh Medley (1982) yang menyatakan bahawa pensyarah yang berkompentensi mempunyai pengetahuan, kebolehan merancang dan kepercayaan dalam melakukan tugas. Medley (1982) seterusnya menekankan dengan adanya pengetahuan, kemahiran merancang dan kepercayaan dalam pengajaran akan menjadikan seseorang pensyarah itu mempunyai kompetensi dalam perancangan pengajaran.

Oleh itu, jelaslah bahawa perancangan mengajar merupakan elemen penting dalam kajian aspek kompetensi. Ini kerana tanpa perancangan yang terperinci boleh menyebabkan penyampaian seseorang pensyarah menjadi kurang berkesan.

2.4 Pelaksanaan Pengajaran

Cronbach (1990), menekankan bahawa pelaksanaan pengajaran merupakan tugas yang penting untuk keberkesanan dalam pengajaran. Peringkat pelaksanaan dalam pengajaran hanya dilakukan selepas proses perancangan dilakukan oleh seseorang pensyarah. Perkembangan pesat dalam dunia teknologi maklumat memerlukan peringkat

pelaksanaan sesuatu program pengajaran yang jelas dan dapat diterima oleh para pelajar.

Kepentingan pelaksanaan pengajaran ini telah disokong oleh kajian Clark dan Cutler (1990) yang berpendapat bahawa pelajar akan menjadi resah sekiranya seseorang pensyarah tidak memberi perhatian dan membantu mereka dalam menyelesaikan masalah yang berkaitan dengan pembelajaran komputer. Clark dan Culter (1990) seterusnya menyatakan bahawa dalam pelaksanaan pengajaran, seseorang pensyarah perlu memberi tumpuan terhadap keperluan para pelajar. Oleh itu, sebelum peringkat pelaksanaan dijalankan, pensyarah perlu merancang pengajaran mengikut keperluan pelajar dan matlamat pengajaran terlebih dahulu. Becker (1990) yang menjalankan kajian terhadap penggunaan kaedah pengajaran komputer di 14 buah sekolah tinggi di Amerika Syarikat menunjukkan pelaksanaan dalam pengajaran amat diperlukan untuk memberi pemahaman yang lebih kepada para pelajar. Dalam kajian ini, para pelajar telah diberi tugas tanpa diterangkan terlebih dahulu berkenaan dengan apa yang perlu mereka lakukan. Hasil kajian menunjukkan bahawa 85 peratus pelajar menjadi keliru dan tidak dapat menyelesaikan masalah yang diberi mengikut masa yang ditetapkan oleh pensyarah.

Oleh itu, menurut Lorin (1989), seseorang pensyarah yang baik adalah seseorang yang dapat menerangkan dan menyampaikan maklumat dengan jelas, dapat memilih dan membangunkan kurikulum yang berkaitan dengan matlamat pengajaran.